

# Masyarakat Islam di AS perlu guna kuasa undi penentu

PUTRAJAYA 21 Jun - Masyarakat Islam di Amerika Syarikat (AS) perlu menggunakan kuasa undi penentu yang mereka miliki untuk menukar kerajaan dan pemimpin yang merancang melancarkan peperangan.

Pengerusi Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (GPO), Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, mereka tidak sepatutnya mengulangi kesilapan memberikan kemenangan majoriti kepada Presiden George W. Bush yang bertindak menyerang Iraq pada 2003.

"Apabila AS mengisytiharkan mahu menyerang Iraq, berlaku protes di seluruh dunia tetapi rakyat AS melakukan kesilapan kerana memberikan kemenangan kepada Bush.

"Mereka sebenarnya boleh menjatuhkan pemimpin yang sedemikian rupa tetapi mereka pilih juga Bush dan Blair, jadi siapa yang harus dipersalahkan?" katanya ketika mengulung sesi panel dan dialog pada Forum Keamanan Global Perdana 2006 di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini hari ini.

Beliau menjelaskan mengenai langkah yang boleh diambil bagi menghalang AS daripada mengambil tindakan ketenteraan ke atas Iran ekoran konflik program pengayaan uranium oleh republik Islam itu yang dianggap mampu menghasilkan senjata nuklear.

Sesi bertajuk 'Membina Pelan Tindakan bagi Jaringan Keamanan Global' itu dipengerusikan oleh Penyelaras Aman Malaysia, Datuk Mukhriz Mahathir.